

## **Strategi, Cabaran dan Kaedah Mengatasi Pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

*(Strategies, Challenges and Methode to Overcome the Implementation of the Thematic Approach in Teaching Malay Language Teachers in Chinese National Type Schools)*

<sup>1</sup>MUHAMMAD FIRDAUS MOHD SEDEK, <sup>2</sup> AMIRUNIZA KAMIL & <sup>3</sup>YII SING HUI

<sup>1</sup>SJKC Chung Hua Trusan, Pekan Trusan, 98850 Lawas, Sarawak, Malaysia

<sup>2</sup>Sekolah Kebangsaan Sebakoh, Pejabat Pendidikan Daerah Lundu, 94500 Lundu, Sarawak, Malaysia

<sup>3</sup>SJKC Jalan Davidson, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia

[p158503@siswa.ukm.edu.my](mailto:p158503@siswa.ukm.edu.my); [p158491@siswa.ukm.edu.my](mailto:p158491@siswa.ukm.edu.my) & [p158524@siswa.ukm.edu.my](mailto:p158524@siswa.ukm.edu.my)

*Dihantar: 13 Mei 2025 / Diterima: 21 Julai 2025*

*Koresponden e-mel: [p158503@siswa.ukm.edu.my](mailto:p158503@siswa.ukm.edu.my)*

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pelaksanaan serta cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendekatan tematik bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Pendekatan tematik merupakan satu kaedah pedagogi yang mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu melalui tema kontekstual, bagi membina pemahaman holistik serta meningkatkan penglibatan murid dalam PdP. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes, melibatkan empat orang guru Bahasa Melayu berpengalaman yang mengajar di SJKC. Data dikumpulkan menerusi temu bual separa berstruktur dan dianalisis secara tematik. Dapatan menunjukkan bahawa guru menggunakan strategi seperti perancangan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), penggabungan kemahiran rentas mata pelajaran, pemilihan tema kontekstual, penggunaan kaedah Pengajaran Abad ke-21 (PAK21) seperti pembelajaran koperatif, *flipped classroom*, dan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan digital untuk merangsang penglibatan murid. Namun begitu, pelaksanaan pendekatan ini turut berdepan cabaran seperti tahap penguasaan Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan murid, kepelbagaiannya dalam pembelajaran, kekangan masa dan beban kerja guru, serta cabaran pengurusan kelas. Kajian juga menemui bahawa guru mengatasi cabaran tersebut melalui pelbagai inisiatif seperti galakan pembelajaran kendiri, motivasi luaran, perancangan awal yang sistematis, penggunaan pendekatan kreatif untuk murid lemah dan permohonan masa pengajaran yang lebih fleksibel. Kajian ini menyarankan agar latihan profesional guru ditingkatkan, bahan bantu dwibahasa dibangunkan secara sistematis, serta penstrukturkan semula masa PdP bagi menyokong pelaksanaan pendekatan tematik secara efektif di SJKC.

**Kata Kunci:** Pendekatan Tematik, Bahasa Melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Strategi Pengajaran, Cabaran Pelaksanaan

**ABSTRACT:** This study aims to explore the implementation strategies and challenges faced by teachers in implementing the thematic approach to teaching and learning (T&L) of Malay Language in Chinese National Type Schools (SJKC). The thematic approach is a pedagogical method that integrates various disciplines through contextual themes, to build holistic understanding and increase student engagement in T&L. This study uses a qualitative approach in the form of a case study, involving four experienced Malay Language teachers who teach at SJKC. Data were collected through semi-structured interviews and analyzed thematically. Findings show that teachers use strategies such as planning based on the Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP), integrating cross-subject skills, selecting contextual themes, using 21st Century Teaching methods (PAK21) such as cooperative learning, *flipped classroom*, and using digital-based teaching aids to stimulate student engagement. However, the implementation of this approach also faces challenges such as low levels of Malay proficiency among students, diverse learning levels, time constraints and teacher workload, and classroom management challenges. The study also found that teachers overcome these challenges through various initiatives such as encouraging

*self-directed learning, external motivation, systematic advance planning, the use of creative approaches for weak students, and the request for more flexible teaching time. This study recommends that teacher professional training be increased, bilingual teaching materials be systematically developed, and teaching time be restructured to support the effective implementation of thematic approaches in SJKC.*

**Keywords:** Thematic Approach, Malay Language, Chinese National Type Schools, Teaching Strategies, Implementation Challenge

## PENGENALAN

Perubahan landskap pendidikan masa kini menuntut satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih fleksibel, holistik, dan berpusatkan murid. Dalam konteks pendidikan rendah di Malaysia, pendekatan tematik semakin mendapat tempat sebagai satu strategi pengajaran yang mampu memenuhi pelbagai keperluan pembelajaran murid, terutamanya dalam persekitaran sekolah rendah vernakular seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Pendekatan ini selari dengan prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menekankan pembelajaran kontekstual, bersepada dan menyeluruh bagi membentuk insan holistik yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM 2022).

Pendekatan Tematik merujuk kepada kaedah PdP yang mengintegrasikan pelbagai bidang pembelajaran berdasarkan tema tertentu. Melalui penggabungan kandungan pelbagai mata pelajaran di bawah satu payung tema, murid dapat membina hubungan yang lebih jelas antara ilmu yang dipelajari dengan dunia sebenar (Mohd Noor et al. 2020). Bagi murid di SJKC yang rata-ratanya bukan penutur jati Bahasa Melayu, penggunaan pendekatan ini dalam PdP Bahasa Melayu dilihat sebagai satu strategi yang berpotensi untuk meningkatkan penguasaan bahasa melalui aktiviti yang autentik, kontekstual dan berpusatkan pengalaman murid (Lim & Nordin 2021). Namun begitu, pelaksanaan pendekatan ini dalam konteks SJKC tidak semudah yang disangka. Cabaran yang dihadapi oleh

guru meliputi aspek perancangan kandungan tematik, penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai, serta pengurusan bilik darjah yang berbeza dari segi latar belakang linguistik murid (Chong et al. 2022). Keperluan untuk menyeimbangkan kehendak kurikulum dengan keupayaan sebenar murid telah menimbulkan dilema pedagogi yang memerlukan kreativiti, inovasi dan sokongan profesional berterusan daripada guru (Tan et al. 2023).

Dalam situasi ini, strategi pengajaran yang berkesan serta kebolehan guru menyesuaikan pendekatan tematik dengan konteks sebenar bilik darjah amat penting. Keupayaan guru dalam mengenal pasti cabaran, merangka penyelesaian, serta menyesuaikan teknik pengajaran dengan keperluan murid memainkan peranan yang besar dalam menentukan keberkesanannya pendekatan ini. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana guru-guru di SJKC melaksanakan pendekatan tematik dalam PdP Bahasa Melayu secara praktikal dan apakah strategi, cabaran serta penyelesaian yang wujud sepanjang proses tersebut.

Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran holistik mengenai dinamika sebenar pelaksanaan pendekatan tematik di dalam bilik darjah Bahasa Melayu di SJKC serta menyumbang kepada pembangunan amalan pengajaran yang lebih berkesan, responsif dan bersesuaian dengan keperluan murid berbilang kaum dan bahasa di Malaysia.

## PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC dilihat sebagai satu alternatif pedagogi yang mampu meningkatkan keberkesanannya pembelajaran, khususnya dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa tersebut. Pendekatan ini diyakini dapat membantu murid mengaitkan pembelajaran Bahasa Melayu dengan kehidupan seharian melalui integrasi tema yang relevan, sekaligus meningkatkan kefahaman dan penguasaan mereka terhadap bahasa kebangsaan (Lim & Nordin 2021; Tan et al. 2023). Walau bagaimanapun, keberkesanannya pendekatan ini dalam konteks SJKC masih menjadi persoalan, terutamanya apabila dilihat dari segi kesediaan guru,

pelaksanaan sebenar di bilik darjah, serta cabaran yang dihadapi dalam pengaplikasiannya.

Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat jurang antara teori dan pelaksanaan pendekatan tematik dalam bilik darjah, di mana guru sering kali menghadapi kekangan dari segi masa, beban tugas, kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dan kesukaran menyepadukan kandungan tematik dengan objektif pembelajaran Bahasa Melayu (Chong et al. 2022). Tahap penguasaan bahasa yang berbeza dalam kalangan murid di SJKC menyukarkan guru untuk merancang aktiviti PdP yang sesuai untuk semua murid (Goh & Tee 2021). Ketidaksesuaian bahan, kekangan sumber, serta kurangnya latihan atau bimbingan

profesional turut menjelaskan keberkesanannya pelaksanaan pendekatan ini secara menyeluruh (Tan et al. 2023).

Selain itu, terdapat kekurangan dalam dokumentasi secara sistematis mengenai strategi sebenar yang digunakan oleh guru SJKC semasa melaksanakan pendekatan tematik dalam PdP Bahasa Melayu. Begitu juga, mekanisme atau kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengatasi cabaran yang timbul jarang dibincangkan secara terperinci dalam konteks kajian tempatan, khususnya pasca pandemik COVID-19 yang telah mengubah corak PdP secara signifikan (Lee et al. 2022). Kekurangan maklumat empirikal ini menimbulkan keperluan mendesak untuk

menjalankan kajian yang mampu meneroka secara mendalam pengalaman guru di lapangan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang literatur sedia ada dengan meneroka strategi, cabaran, dan kaedah penyelesaian guru dalam pelaksanaan pendekatan tematik untuk PdP Bahasa Melayu di SJKC. Kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang amalan pengajaran sebenar dan seterusnya memberi implikasi terhadap pembangunan profesionalisme guru dan penambahbaikan pelaksanaan kurikulum yang lebih responsif terhadap keperluan murid berbilang latar belakang.

## OBJEKTIF KAJIAN

Sebanyak tiga objektif kajian seperti berikut

1. Meneroka strategi guru semasa pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.
2. Meneroka cabaran guru semasa pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.
3. Meneroka kaedah mengatasi cabaran semasa pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC.

## PENDEKATAN TEMATIK DALAM KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Pendekatan tematik dalam KSSR memperkenalkan prinsip pengajaran yang menggabungkan pelbagai disiplin ilmu di bawah satu tema pusat untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih holistik, kontekstual dan autentik. Melalui pendekatan ini, kandungan pembelajaran disusun secara melintang, memudahkan murid membina hubungan antara pengetahuan baharu dengan pengalaman sedia ada, serta merangsang perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor secara serentak. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (KPM 2023b), strategi tematik bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi murid, malah memperkuuh penglibatan aktif mereka dalam proses pembelajaran melalui penekanan kepada konteks kehidupan sebenar. Dapatkan ini disokong oleh Noraini et al. (2021a) yang menyatakan bahawa pendekatan tematik memudahkan murid membentuk rangkaian skema pengetahuan yang lebih tersusun dan bermakna, terutamanya dalam penguasaan bahasa seperti kemahiran bertutur dan menulis. Secara keseluruhan, pendekatan ini selaras dengan prinsip Konstruktivisme dan Pembelajaran Kontekstual (CTL) yang menuntut murid membina pengetahuan secara aktif melalui pengalaman bermakna.

Pelaksanaan pendekatan tematik di SJKC mempunyai keunikan tersendiri kerana Bahasa Melayu diajar sebagai bahasa kedua. Oleh itu, tahap penguasaan murid yang heterogen memerlukan penyesuaian dari segi pemilihan tema, strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar. Lim dan Ong (2022) mendapati guru SJKC kreatif dalam menggunakan bahan visual, muzik, dan cerita rakyat yang berunsur tempatan sebagai medium untuk memperkuuh makna tema serta memperkenalkan kosa kata baharu secara kontekstual. Kajian oleh Low et al. (2024) pula mengenal pasti tiga pendekatan utama yang kerap digunakan guru: pertama, penugasan projek mini berdasarkan tema yang memberi ruang kepada pembelajaran kolaboratif; kedua, penggunaan *scaffolding* berdasarkan bahasa pertama (Mandarin) pada peringkat awal pembelajaran; dan ketiga, integrasi aplikasi digital ringkas seperti *Padlet* untuk mendorong interaksi murid secara maya. Walau bagaimanapun, kekangan seperti ketiadaan bahan bantu mengajar dwibahasa yang seragam dan masa jadual yang terhad sering kali menghalang ketercapaian penuh objektif pembelajaran berdasarkan tema.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka strategi, cabaran dan cara mengatasi cabaran tersebut pelaksanaan pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pendekatan ini dipilih

kerana ia membolehkan penyelidik meneliti fenomena pendidikan dalam konteks yang sebenar, serta memberikan ruang untuk meneroka pengalaman, perspektif dan amalan guru secara holistik dan terperinci (Merriam 2009).

Lokasi kajian adalah di sebuah SJKC yang terletak di negeri Sarawak. Seramai empat orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman dipilih secara persampelan bertujuan sebagai peserta kajian. Seramai empat orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman dipilih sebagai peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan kriteria seperti pengalaman mengajar lebih daripada lima tahun, pernah melaksanakan pendekatan tematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta bersikap terbuka untuk berkongsi maklumat yang bermanfaat untuk menjayakan kajian ini.

Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur yang dirakam dan ditranskripsi untuk tujuan

analisis. Data yang diperoleh melalui transkrip temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, kaedah triangulasi sumber iaitu perbandingan maklumat daripada beberapa peserta bagi mengenal pasti tema yang konsisten telah digunakan (Creswell & Poth 2018).

Semakan peserta turut dilaksanakan dengan cara pengkaji mengemukakan semula transkrip temu bual dan hasil awal analisis kepada peserta untuk pengesahan maklumat. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan dapatan kajian adalah telus dan boleh dipercayai.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Peserta Kajian**

Jadual 1 menunjukkan demografi peserta kajian. Keempat-empat peserta kajian terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman

mengajar sebanyak 5 tahun dan ke atas. Kesemua peserta kajian merupakan guru major dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan mengajar di SJKC.

**JADUAL 1: Demografi peserta kajian**

<b>Peserta Kajian</b>	<b>Pengalaman Mengajar</b>	<b>Jantina</b>	<b>Major</b>	<b>Jenis Aliran Sekolah</b>
<b>PK 1</b>	25 tahun	Lelaki	Bahasa Melayu	SJKC
<b>PK 2</b>	5 tahun	Perempuan	Bahasa Melayu	SJKC
<b>PK 3</b>	8 tahun	Perempuan	Bahasa Melayu	SJKC
<b>PK 4</b>	5 tahun	Perempuan	Bahasa Melayu	SJKC

### **Strategi Pelaksanaan Pendekatan Tematik**

Jadual 2 menunjukkan tema-tema yang ditemui daripada temu bual untuk persoalan kajian yang pertama, iaitu strategi guru dalam melaksanakan pendekatan tematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 6 tema yang telah dikenal pasti hasil daripada temu bual yang berkaitan dengan strategi pelaksanaan pendekatan tematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC.

**JADUAL 2: Strategi pelaksanaan pendekatan tematik**

<b>Strategi Pelaksanaan Pendekatan Tematik</b>					
<b>Tema</b>	<b>PK 1</b>	<b>PK 2</b>	<b>PK 3</b>	<b>PK 4</b>	<b>Jumlah</b>
1. Perancangan pendekatan tematik berpandukan DSKP	/	/	-	/	3
2. Penggabungan pelbagai kemahiran dan kandungan merentas mata pelajaran	-	-	-	/	1
3. Pemilihan tema yang kontekstual dan bermakna	/	-	/	/	3
4. Pelaksanaan kaedah pengajaran tematik	/	/	/	/	4
5. Pemilihan bahan bantu mengajar berdasarkan tema	/	/	/	/	4
6. Penglibatan aktif murid dalam pembelajaran tematik	/	/	/	/	4

### ***Perancangan Pendekatan Tematik Berpandukan DSKP***

Hasil temu bual menunjukkan bahawa terdapat tiga orang guru Bahasa Melayu di SJKC iaitu PK1, PK2 dan PK4 membuat perancangan pembelajaran tematik dengan merujuk dokumen kurikulum seperti Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT). Guru perlu memastikan objektif pembelajaran selaras dengan tahap kebolehan murid dan pengetahuan sedia ada mereka.

- *PK1: Saya akan pastikan objektif yang dibina harus berdasarkan dan sesuai dengan DSKP yang dipilih. Kita rancangkan PdP kita ni berdasarkan aras kebolehan murid. Tema yang dipilih itu haruslah bersesuaian dengan pengetahuan sedia ada murid.*
- *PK2: Rujuk DSKP. Daripada situ, kita akan rangka RPT, tengok buku teks untuk pastikan tema yang kita ajar.*
- *PK4: Saya akan menyemak dahulu dokumen seperti DSKP.*

### ***Penggabungan Pelbagai Kemahiran dan Kandungan Merentas Mata Pelajaran***

Dapatkan menunjukkan bahawa hanya terdapat seorang guru Bahasa Melayu yang menggabungkan pelbagai kemahiran dan kandungan merentas mata pelajaran secara bermakna dalam pengajaran mereka. PK4 menyatakan bahawa pemilihan tema harus berupaya

menggabungkan pelbagai kemahiran bahasa melayu dan kandungan yang merentas mata pelajaran.

- *PK4: Saya akan pilih satu tema utama yang boleh menggabungkan pelbagai kemahiran dan kandungan merentas mata pelajaran.*

### ***Pemilihan Tema yang Kontekstual dan Bermakna***

Hasil temu bual menunjukkan bahawa terdapat tiga orang guru Bahasa Melayu yang melaksanakan pengajaran tematik dengan adanya pemilihan tema yang kontekstual dan temu bual. PK1 dan PK3 menyatakan bahawa mereka memilihkan tema yang sesuai dengan tahap murid serta berkait rapat dengan kehidupan harian murid agar murid lebih mudah memahami tema yang disampaikan. Antara tema yang dipilih adalah seperti kebersihan, kekeluargaan, alam sekitar dan keusahawanan yang dekat dengan kehidupan murid. PK4 pula menyatakan bahawa pemilihan tema haruslah berpotensi dalam merangsang

perbincangan serta kreativiti murid dalam aktiviti kumpulan.

- *PK1: Tema perlu sesuaikan dengan persekitaran murid dan dekat dengan kehidupan murid. Contohnya, tema kebersihan, kekeluargaan, kemasyarakatan.*
- *PK3: Tema yang dipilih ini mestilah menarik dan berkait rapat dengan kehidupan harian murid agar mereka lebih mudah faham.*
- *PK4: Tema yang sepadan dengan DSKP seperti "keluarga", "keselamatan", "kesihatan" dan "keusahawanan" kerana boleh merangsang perbincangan serta kreativiti mereka.*

### ***Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Tematik***

Pelbagai kaedah pengajaran tematik telah dilaksanakan oleh peserta kajian dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Antaranya termasuk, kaedah sumbang saran, *Flipped Classroom, berpusatkan bahan, Project-Based Learning, kaedah koperatif dan konstruktivisme*. Dapatkan menunjukkan bahawa keempat-empat guru Bahasa Melayu yang melalui proses temu bual berupaya melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dalam pengajaran yang berpandukan pendekatan tematik. PK1 menyatakan bahawa kaedah sumbang saran dilaksanakan untuk mendapatkan idea daripada murid yang terdiri daripada aras yang berbeza.

Kaedah *Flipped Classroom* yang dinyatakan oleh PK2 memerlukan murid untuk mencari bahan dan melakukan perbincangan pada keesokan hari agar murid melengkapkan diri dengan pengetahuan sedia ada. PK3 pula menggunakan kaedah koperatif yang mendorong murid bekerja dalam kumpulan bagi

melengkapkan tugas yang berkaitan dengan tema. Hasil temu bual dengan PK4 juga menunjukkan bahawa guru menggunakan kaedah konstruktivisme yang mendorong murid membina pengetahuan melalui pengalaman mereka sendiri secara aktif. Transkrip temu bual adalah seperti berikut:

- *PK1: Kaedah sumbang saran ni kita nak bentukkan kumpulan untuk dapatkan idea daripada pelbagai aras murid.*
- *PK2: Saya akan gunakan kaedah Filpped Classroom di mana murid akan cari dulu bahan lepas buat bincang esok dengan pengetahuan sedia adanya sudah ada.*
- *PK3: Saya gunakan kaedah koperatif di mana murid bekerja dalam kumpulan kecil untuk menghasilkan buku skrap, puisi atau karangan berkaitan dengan tema.*
- *PK4: Saya gunakan kaedah konstruktivisme...murid perlu aktif membina pengetahuan melalui pengalaman mereka sendiri.*

### **Pemilihan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Tema**

Dapatkan menunjukkan bahawa keempat-empat guru Bahasa Melayu memilih bahan bantu mengajar yang sesuai berdasarkan tema untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pengajaran bertema. Temu bual menunjukkan bahawa PK1 memilihkan bahan bantu mengajar yang berteraskan kepada teknologi seperti *Smartboard*, *Program EDM* yang telah dilengkapi oleh pihak sekolah. PK2 juga memilih bahan yang berpusatkan digital dengan mengambil kira kebolehan murid yang bercelik digital. PK4 juga menerangkan bahawa pemilihan bahan digital akan diutamakan seperti video interaktif, animasi, audio bacaan untuk menarik minat murid dan memudahkan kefahaman murid. PK3 pula memilih bahan pengajaran yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari seperti video pendek, gambar bagi membantu murid memahami isi

pelajaran dengan lebih mudah serta menarik minat mereka.

- *PK1: Cikgu akan pilih bahan bantu mengajar yang sedia ada dan berteraskan kepada teknologi seperti Smartboard, Program EDM yang memang telah dilengkapi oleh pihak sekolah.*
- *PK2: Murid saya celic digital jadi saya akan gunakan bahan-bahan yang berpusatkan digital.*
- *PK3: Saya pastikan bahan itu juga berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari murid agar mereka lebih mudah faham dan tertarik. Contohnya, saya gunakan video pendek, gambar, petikan atau model.*
- *PK4: Saya juga gunakan bahan digital seperti animasi, audio bacaan, dan video interaktif untuk tarik minat dan bantu pemahaman.*

### **Penglibatan Aktif Murid dalam Pembelajaran Tematik**

Keempat-empat guru Bahasa Melayu menekankan penglibatan murid yang aktif dalam pembelajaran tematik. PK1 yakni bahawa objektif pembelajaran yang sesuai dengan aras murid membolehkan murid menghasilkan idea untuk melengkapkan tugas. PK2 pula memastikan murid melibatkan secara aktif dalam pembelajaran tematik dengan mengendalikan pelbagai kuiz seperti *Kahoot*, *Quizizz* dan *Canva*. PK3 memberi ruang perbincangan kepada murid, menjalankan pelbagai aktiviti untuk melibatkan murid secara aktif serta membantu mereka menguasai kemahiran berbahasa dan belajar untuk bekerja dalam pasukan. Cara PK4 melibatkan murid secara aktif adalah melalui

aktiviti simulasi dan main peranan. Hasil temu bual boleh dibuktikan dalam transkrip temu bual di bawah:

- *PK1: Objektif pembelajaran harus sesuai dengan aras murid agar mereka ada idea untuk buat tugas.*
- *PK2: Saya memang buat banyak kuiz interaktif digital...Kahoot, Kuiziz, Canva.*
- *PK3: Saya beri mereka ruang untuk murid bincang dalam kumpulan dan kongsikan pandangan. Saya guna pelbagai aktiviti seperti lakonan, perbincangan kumpulan, pembinaan peta minda dan kuiz interaktif, hasilkan dalam kumpulan dan bentang di depan kelas. Mereka belajar kemahiran berbahasa dan kerja berpasukan.*
- *PK4: Saya jalankan simulasi... murid ambil peranan.*

### **Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Tematik**

Terdapat beberapa cabaran dapat dikenal pasti ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran tematik di SJKC. Pengkaji telah mengenal pasti cabaran yang dilalui oleh guru. Berdasarkan Jadual 3, terdapat empat

yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC, iaitu kekangan penguasaan bahasa Melayu murid, kawalan kelas semasa aktiviti tematik, kekangan masa, dan kepelbagaiannya tahap murid.

JADUAL 3: Cabaran pelaksanaan pendekatan tematik

<b>Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Tematik</b>					
<b>Tema</b>	<b>PK 1</b>	<b>PK 2</b>	<b>PK 3</b>	<b>PK 4</b>	<b>Jumlah</b>
1. Kekangan penguasaan bahasa Melayu murid	/	/	/	-	3
2. Kawalan kelas semasa aktiviti tematik	-	/	/	/	3
3. Kekangan masa	/	/	-	/	3
4. Kepelbagaiannya tahap murid	/	/	/	/	4

### **Kekangan Penguasaan Bahasa Melayu Murid**

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC dilihat masih berada pada tahap yang membimbangkan disebabkan oleh beberapa faktor

utama. Menurut PK1, bahasa Melayu bukanlah bahasa ibunda murid-murid di SJKC, menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk bertutur dengan lancar

kerana kurangnya penguasaan kosa kata. Hal ini turut disokong oleh PK2 yang menyatakan bahawa kebanyakan murid datang daripada latar belakang keluarga yang menggunakan bahasa ibunda seperti bahasa Cina di rumah, sekali gus mengehadkan pendedahan mereka kepada bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Akibatnya, murid tidak hanya lemah dalam pertuturan, tetapi turut mengalami kesulitan dalam memahami bahan pembelajaran dan arahan guru semasa sesi PdP.

PK3 menjelaskan bahawa antara kekangan utama ialah kelemahan asas seperti mengenal huruf dan membina ayat mudah. Ramai murid yang hadir ke kelas pemulihan mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah sehingga tidak mampu memahami arahan mudah dalam kelas. Berdasarkan ketiga-tiga pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa latar

belakang bahasa ibunda, persekitaran keluarga dan asas literasi yang lemah merupakan antara punca utama kekangan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC.

- *PK1: Bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka. Murid nak bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar agak terhad sebab kurang kosa kata.*
- *PK2: Ramai murid saya datang dari keluarga yang lebih banyak menggunakan bahasa ibunda seperti bahasa Cina di rumah. Jadi, pendedahan kepada bahasa Melayu agak terhad.*
- *PK3: Masalah utama ialah kelemahan asas seperti mengenal huruf dan membina ayat mudah. Ramai murid datang ke kelas pemulihan dengan penguasaan bahasa Melayu yang sangat rendah. Mereka sukar memahami arahan mudah dalam kelas.*

### **Kawalan Kelas Semasa Aktiviti Tematik**

Pelaksanaan aktiviti tematik sememangnya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, namun kawalan kelas menjadi satu cabaran utama yang perlu ditangani oleh guru. Menurut PK2, murid sering kali terlalu seronok sehingga terlupa untuk menjaga disiplin, walaupun beliau mengakui bahawa aktiviti tematik mampu menarik minat dan menggalakkan penglibatan aktif murid dalam PdP. Hal ini turut dikongsi oleh PK3 yang menyatakan bahawa cabaran utama ialah apabila murid menjadi terlalu teruja, terutamanya dalam aktiviti yang melibatkan lakonan atau pembelajaran berdasarkan permainan, yang boleh menyebabkan suasana kelas menjadi agak bising dan sukar dikawal. Dalam nada yang sama, PK4 turut menegaskan bahawa murid lebih cenderung untuk bergerak aktif dan berbual sesama sendiri semasa aktiviti tematik, menjadikan kawalan kelas lebih mencabar walaupun pembelajaran menjadi lebih

berpusatkan murid. Oleh itu, jelas bahawa aktiviti tematik walaupun efektif dari segi penglibatan murid, memerlukan perancangan dan teknik pengurusan kelas yang mantap bagi memastikan keberkesanannya PdP tanpa menjaskankan disiplin.

- *PK2: Murid seronok dan terlupa untuk jaga disiplin. Tetapi suasana pembelajaran menarik, cuma kawalan kelas perlu saya tekankan.*
- *PK3: Cabarannya agak besar, terutamanya apabila murid terlalu teruja. Aktiviti tematik yang melibatkan lakonan atau pembelajaran berdasarkan permainan boleh menyebabkan suasana kelas menjadi bising.*
- *PK4: Apabila menjalankan aktiviti tematik, saya dapatkan murid lebih cenderung untuk bergerak aktif dan berbual sesama sendiri. Walaupun itu sesuatu yang positif untuk pembelajaran berpusatkan murid, kawalan kelas menjadi lebih mencabar.*

### **Kekangan Masa**

Kekangan masa merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Menurut PK1, murid memerlukan lebih banyak masa untuk memahami dan menguasai kemahiran asas, justeru guru terpaksa mengulang pengajaran berkali-kali dan menggunakan pendekatan yang berbeza. Namun, tempoh masa yang diperuntukkan sering kali tidak mencukupi untuk mencapai tahap penguasaan yang diinginkan. Situasi ini turut dialami oleh PK2 yang merasakan masa yang terhad menyebabkan beliau terpaksa mempercepatkan pengajaran dan mengehadkan aktiviti dalam sesuatu unit pembelajaran. Langkah ini berisiko menjaskankan kefahaman murid secara menyeluruh.

PK4 menambah bahawa kekangan masa juga menyukarkan guru untuk memberikan latihan tambahan atau sesi soal jawab yang mendalam. Akibatnya, murid yang memerlukan bimbingan lebih

intensif mudah terabai apabila guru terpaksa beralih kepada topik seterusnya dalam masa yang singkat. Oleh itu, isu kekangan masa memerlukan perhatian serius bagi memastikan pengajaran dapat berjalan dengan efektif dan murid memperoleh pemahaman yang optimum.

- *PK1: Kekangan masa amat ketara kerana murid memerlukan lebih banyak masa untuk memahami dan menguasai kemahiran asas. Saya perlu ulang berkali-kali dan menggunakan pendekatan berbeza. Tetapi tempoh masa yang diberi kadang-kadang tidak mencukupi.*
- *PK2: Kadangkala saya rasa tidak cukup masa untuk menamatkan satu unit pembelajaran secara menyeluruh. Saya terpaksa mengehadkan aktiviti tertentu atau mempercepatkan pengajaran, yang mungkin menjaskankan kefahaman murid.*
- *PK4: Kekangan masa membuatkan saya kurang berpeluang untuk memberi latihan tambahan atau sesi*

*soal jawab mendalam. Murid yang perlukan bimbingan lebih lambat akan terabai kerana saya perlu bergerak ke topik lain dengan cepat.*

### **Kepelbagaian Tahap Murid**

Kepelbagaian tahap penguasaan murid dalam kelas merupakan cabaran yang sering dihadapi oleh guru. Menurut PK1, terdapat murid yang cepat faham dan aktif, manakala sebahagian lagi bersikap pasif, menyebabkan guru perlu membuat penyesuaian dari segi bahan dan kaedah pengajaran untuk memenuhi keperluan semua murid. Begitu juga dengan PK2 yang menyatakan bahawa tahap penguasaan murid dalam kelas adalah berbeza-beza; ada murid yang dapat menyelesaikan tugas dengan mudah, manakala yang lain memerlukan lebih banyak bimbingan dan masa untuk memahami konsep. Hal ini disokong oleh PK3 yang menegaskan kepelbagaian tahap murid sangat ketara dan setiap murid mempunyai keperluan serta cabaran tersendiri.

Justeru, bahan pembelajaran dan pendekatan perlu disesuaikan secara khusus bagi setiap individu. PK4 berkongsi bahawa cabaran terbesar adalah menguruskan murid yang tahap penguasaannya amat berbeza dalam satu kelas, ada yang sudah lancar bertutur dan menulis, tetapi ada juga yang masih

bergelut dengan asas. Oleh itu, guru perlu sentiasa kreatif dan fleksibel dalam merancang strategi pengajaran supaya semua murid dapat belajar dengan berkesan.

- *PK1: Ada murid yang cepat faham dan aktif tetapi ada juga yang pasif... guru perlu buat penyesuaian bahan dan kaedah.*
- *PK2: Saya dapat tahap penguasaan murid dalam kelas agak berbeza-beza. Ada murid yang cepat faham dan boleh menyelesaikan tugas dengan mudah, manakala ada juga yang perlukan lebih banyak bimbingan dan masa untuk memahami konsep*
- *PK3: Kepelbagaian tahap murid memang ketara. Setiap murid datang dengan keperluan dan cabaran yang berbeza. Saya gunakan pendekatan yang sangat tersuai, dengan bahan pembelajaran yang disesuaikan untuk setiap murid*
- *PK4: Cabaran terbesar ialah menguruskan murid yang tahap penguasaannya sangat berbeza dalam satu kelas. Ada murid yang boleh bertutur dan menulis dengan lancar, tetapi ada juga yang masih bergelut dengan asas.*

### **Kesan terhadap Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Tematik**

Berdasarkan Jadual 4, terdapat empat kesan terhadap cabaran yang telah dikenal pasti ketika pelaksanaan pembelajaran pendekatan tematik di SJKC. Kesan pertama ialah penurunan motivasi guru akibatkekangan bahasa. Kesan kedua ialah pengurangan aktiviti

interaktif akibat cabaran disiplin murid. Kesan ketiga ialah kekangan masa menyebabkan penggunaan kaedah tradisional dan cabaran keempat ialah beban kerja guru menjelaskan perancangan kreatif.

**JADUAL 4:** Kesan terhadap cabaran pelaksanaan pendekatan tematik

<b>Kesan terhadap Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Tematik</b>					
<b>Tema</b>	<b>PK 1</b>	<b>PK 2</b>	<b>PK 3</b>	<b>PK 4</b>	<b>Jumlah</b>
1. Penurunan motivasi guru akibat kekangan bahasa	/	/	/	-	3
2. Pengurangan aktiviti interaktif akibat cabaran disiplin murid	-	/	/	/	3
3. Kekangan masa menyebabkan penggunaan kaedah tradisional	/	-	/	/	3
4. Beban kerja guru menjelaskan perancangan kreatif	/	/	-	/	3

### **Penurunan Motivasi Guru Akibat Kekangan Bahasa**

Kekangan bahasa merupakan satu cabaran besar yang sering dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut PK1, apabila mengajar pelajar yang kurang fasih dalam bahasa pengantar, beliau merasakan kesukaran untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan, sekali gus menimbulkan rasa kurang bersemangat kerana bimbang gagal membantu pelajar. Begitu juga dengan PK2 yang mengakui mengalami

masalah yang sama, terutamanya apabila perlu menyesuaikan diri dengan pelbagai latar belakang bahasa pelajar. Kekangan bahasa ini menyebabkan beliau kurang yakin semasa mengajar, yang secara tidak langsung menjelaskan motivasi untuk memberikan yang terbaik.

PK3 menyatakan bahawa kekangan bahasa bukan sahaja menyukarkan komunikasi dengan pelajar, malah

turut memberi kesan dalam berinteraksi dengan rakan sekerja. Situasi ini kadangkala membuatkan beliau berasa terasing dan mengurangkan motivasi untuk melaksanakan tugas dengan sepenuhnya. Oleh itu, cabaran kekangan bahasa perlu diberi perhatian serius bagi memastikan guru dapat berfungsi dengan optimum dalam menjalankan tugas mereka.

- *PK1: Kekangan bahasa memang satu cabaran besar. Kadang-kadang, apabila saya mengajar pelajar yang kurang fasih dalam bahasa pengantar, saya rasa susah untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan. Ini*

*menyebabkan saya kurang bersemangat kerana rasa gagal membantu pelajar.*

- *PK2: Saya juga menghadapi masalah sama. Terutamanya apabila terpaksa menyesuaikan diri dengan pelbagai latar belakang bahasa pelajar. Kekangan bahasa menyebabkan saya kurang yakin semasa mengajar, dan ini secara tidak langsung menjelaskan motivasi saya untuk memberikan yang terbaik.*
- *PK3: Kekangan bahasa menyebabkan komunikasi menjadi sukar, bukan sahaja dengan pelajar tetapi juga dengan rakan sekerja. Kadang-kadang, ini membuat saya rasa terasing dan kurang motivasi untuk melaksanakan tugas dengan sepenuhnya.*

### ***Pengurangan Aktiviti Interaktif Akibat Cabaran Disiplin Murid***

Cabarannya disiplin dalam kalangan murid memberi kesan yang ketara terhadap pelaksanaan aktiviti interaktif di dalam bilik darjah. Menurut PK2, murid yang kurang fokus dan sering mengganggu rakan lain menyebabkan beliau terpaksa mengurangkan aktiviti kumpulan yang memerlukan interaksi tinggi agar suasana kelas lebih terkawal dan berkesan. Hal ini turut disokong oleh PK3 yang menyatakan bahawa disiplin murid yang kurang baik mendorong beliau lebih berhati-hati dalam memilih bentuk aktiviti pengajaran, dan kadangkala terpaksa beralih kepada kaedah tradisional demi memastikan kelas terkawal dan berjalan lancar.

PK4 menegaskan bahawa isu disiplin merupakan cabaran utama dalam melaksanakan aktiviti interaktif, kerana murid yang tidak berdisiplin sering menyebabkan aktiviti terganggu atau tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Beliau turut menyarankan agar pihak sekolah memberi sokongan yang lebih dalam aspek pengurusan disiplin supaya guru dapat melaksanakan pendekatan pembelajaran yang lebih

menarik dan berkesan. Kesemua pandangan ini menunjukkan bahawa pengurusan disiplin yang baik amat penting untuk menyokong pelaksanaan PdP yang aktif dan berpusatkan murid.

- *PK2: Cabaran disiplin memang memberi kesan besar terhadap pelaksanaan aktiviti interaktif. Ada murid yang kurang fokus dan sering mengganggu rakan lain, jadi saya terpaksa kurangkan aktiviti kumpulan yang memerlukan interaksi tinggi supaya suasana kelas lebih terkawal.*
- *PK3: Disiplin yang kurang baik menyebabkan saya lebih berhati-hati dalam memilih jenis aktiviti. Kadang-kadang saya lebih memilih kaedah pengajaran yang lebih tradisional supaya dapat kawal kelas dengan lebih mudah.*
- *PK4: Saya rasa cabaran disiplin memang cabaran utama dalam melaksanakan aktiviti interaktif. Murid yang kurang disiplin sering menyebabkan aktiviti terhenti atau tidak berjalan lancar. Saya harap pihak sekolah dapat memberi sokongan lebih dalam mengurus disiplin supaya kami dapat jalankan aktiviti dengan lebih efektif.*

### ***Kekangan Masa Menyebabkan Penggunaan Kaedah Tradisional***

Kekangan masa menjadi antara faktor utama yang menyebabkan guru cenderung memilih pendekatan pengajaran tradisional berbanding kaedah yang lebih interaktif dan inovatif. PK1 menyatakan bahawa beliau sering mempunyai idea untuk melaksanakan aktiviti kumpulan atau menggunakan bahan digital, namun terpaksa memilih kaedah tradisional kerana kekangan masa yang tidak mencukupi untuk menyelesaikan kandungan pengajaran mengikut jadual. Pandangan ini turut disokong oleh PK3 yang menjelaskan bahawa masa yang terhad dan silibus yang padat mendorong beliau untuk menggunakan kaedah syarahan dan penulisan di papan putih kerana ia lebih cepat dan mudah dikendalikan dalam tempoh PdP yang singkat.

Dalam masa yang sama, PK4 turut menyatakan bahawa kekangan masa menghalang beliau daripada menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif, walaupun beliau sedar penggunaan teknologi dapat

meningkatkan kefahaman pelajar. Akhirnya, beliau terpaksa bergantung kepada kaedah tradisional seperti penggunaan buku teks dan latihan bertulis. Jelaslah bahawa tekanan masa memberi kesan secara langsung terhadap pelaksanaan PdP yang lebih menyeronokkan dan berkesan, justeru strategi penjadualan yang lebih fleksibel amat diperlukan.

- *PK1: Kadang-kadang saya memang ada idea untuk buat aktiviti kumpulan atau gunakan bahan digital, tapi masa sangat terhad. Jadi saya terpaksa gunakan kaedah tradisional untuk pastikan semua kandungan dapat diajar mengikut jadual.*
- *PK3: Kekangan masa memang menjadi punca utama saya memilih kaedah tradisional seperti syarahan atau penulisan di papan putih. Dengan jadual yang padat dan silibus yang perlu dihabiskan dalam masa singkat, saya rasa sukar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti*

- pengajaran yang lebih interaktif atau berasaskan teknologi.*
- *PK4: Saya rasa kekangan masa menyebabkan saya kurang masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif. Walaupun saya tahu penggunaan teknologi*

*boleh bantu pelajar lebih faham, saya akhirnya terpaksa gunakan pendekatan tradisional seperti membaca buku teks dan menjawab soalan latihan.*

### **Beban Kerja Guru Menjejaskan Perancangan Kreatif**

Beban kerja yang berlebihan dilihat sebagai antara faktor utama yang menyekat kreativiti guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang menarik serta berkesan. PK1 menyatakan bahawa beliau sebenarnya gemar merancang aktiviti seperti permainan bahasa dan pembelajaran berasaskan projek, namun keletihan akibat perlu mengurus hal-hal luar bilik darjah menyebabkan beliau hanya sempat menggunakan bahan sedia ada dan kaedah pengajaran biasa. Kenyataan ini disokong oleh PK2 yang turut mengakui bahawa beban kerja telah menghalangnya daripada melaksanakan aktiviti kreatif seperti lawatan luar bilik darjah atau drama bahasa yang dirancang, kerana kekangan masa serta tuntutan kerja yang lain.

PK4 menegaskan bahawa meskipun guru mempunyai banyak idea kreatif, komitmen terhadap tugas-tugas seperti pengisian sistem dalam talian, pelaporan berulang dan aktiviti kokurikulum telah memaksa beliau untuk menggunakan buku teks dan mengajar mengikut kandungan asal tanpa inovasi. Jelas bahawa beban kerja bukan sahaja memberi kesan

terhadap kesejahteraan guru, malah turut menghambat usaha mereka dalam menyediakan PdP yang menyeronokkan dan berkesan untuk murid.

- *PK1: Beban kerja sangat memberi kesan kepada kreativiti. Saya sebenarnya suka merancang aktiviti PdP yang menarik seperti permainan bahasa atau pembelajaran berasaskan projek. Tapi bila perlu uruskan hal-hal luar bilik darjah, saya jadi keletihan. Akhirnya saya hanya guna bahan sedia ada dan kaedah biasa.*
- *PK2: Beban kerja memang antara faktor utama yang mengekang kreativiti guru. Saya pernah bercadang untuk buat lawatan luar kelas atau aktiviti berbentuk drama, tapi kekangan masa dan tuntutan kerja lain menyebabkan saya tak sempat merancang.*
- *PK4: Saya percaya guru sebenarnya sangat kreatif, tapi apabila ditimpa dengan pelbagai beban seperti pengisian sistem online, aktiviti kokurikulum dan pelaporan berulang, kreativiti terpaksa diketepikan. Kadang-kadang saya hanya sempat ambil buku teks dan terus mengajar mengikut kandungan asal.*

### **Kaedah Mengatasi Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Tematik**

Berdasarkan Jadual 5, terdapat lima kaedah mengatasi cabaran pelaksanaan pendekatan tematik di SJKC. Kaedah pertama ialah galakan pembelajaran kendiri di luar bilik darjah. Kaedah kedua ialah pengurusan kelas melalui motivasi luaran. Kaedah ketiga ialah perancangan awal dan sistematik. Kaedah keempat ialah pendekatan kreatif untuk murid lemah dan cabaran keempat ialah pemberian masa fleksibel untuk pengajaran Tematik.

JADUAL 5: Kaedah mengatasi cabaran pelaksanaan pendekatan tematik

<b>Kaedah mengatasi cabaran pelaksanaan Pendekatan Tematik</b>					
<b>Tema</b>	<b>PK 1</b>	<b>PK 2</b>	<b>PK 3</b>	<b>PK 4</b>	<b>Jumlah</b>
1. Galakan pembelajaran kendiri di luar bilik darjah	/	/	-	/	3
2. Pengurusan kelas melalui motivasi luaran	/	-	/	/	3
3. Perancangan awal dan sistematik	/	/	/	/	4
4. Pendekatan kreatif untuk murid lemah	-	/	/	/	3
5. Pemberian masa fleksibel untuk pengajaran tematik	/	-	/	/	3

### **Galakan Pembelajaran Kendiri di Luar Bilik Darjah**

Galakan pembelajaran kendiri di luar bilik darjah telah menjadi satu pendekatan penting dalam membina keupayaan murid untuk belajar secara berdikari dan berterusan. Menurut PK1, beliau sentiasa menggalakkan pelajar untuk membuat pembacaan tambahan dan latihan karangan selepas waktu kelas bagi memperkuuh kemahiran menulis mereka. Beliau

juga menyediakan pautan bacaan digital agar pelajar boleh mengaksesnya mengikut keselesaan masa sendiri. Sementara itu, PK2 pula berpendapat bahawa pembelajaran kendiri dapat membantu murid mengembangkan rasa ingin tahu terhadap ilmu. Beliau menggalakkan murid melakukan eksperimen mudah di rumah dengan pemantauan ibu bapa dan berkongsi

dapatkan tersebut dalam kelas, sekali gus menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna.

Dalam pada itu, PK4 menyatakan bahawa pembelajaran kendiri dapat membentuk pelajar yang lebih bertanggungjawab terhadap ilmu pengetahuan. Beliau sering memberi tugas berbentuk kajian luar kelas seperti menonton dokumentari sejarah atau melawat muzium secara maya bagi memberi peluang kepada pelajar meneroka topik dengan lebih mendalam. Jelaslah bahawa usaha guru dalam menggalakkan pembelajaran kendiri mampu meningkatkan motivasi, minat, dan kemahiran pelajar secara holistik.

- *PK1: Saya sentiasa menggalakkan pelajar untuk membuat pembacaan tambahan dan latihan karangan di*

*luar waktu kelas. Ini penting untuk memperkuuh kemahiran menulis mereka. Saya juga sediakan pautan bahan bacaan digital supaya mereka boleh akses sendiri mengikut keselesaan masa masing-masing.*

- *PK2: Pembelajaran kendiri membantu murid mengembangkan rasa ingin tahu. Saya galakkan mereka membuat eksperimen mudah di rumah dengan pemantauan ibu bapa, dan kemudian berkongsi dapatan di dalam kelas. Ini menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan.*
- *PK4: Saya percaya pembelajaran kendiri membentuk pelajar yang lebih bertanggungjawab terhadap ilmu. Saya sering beri tugas berbentuk kajian luar kelas, seperti menonton dokumentari sejarah atau melawat muzium secara maya. Ini memberi peluang kepada mereka untuk meneroka topik dengan lebih mendalam.*

### **Pengurusan Kelas Melalui Motivasi Luaran**

Penggunaan motivasi luaran sebagai kaedah pengurusan kelas dikenal pasti sebagai strategi utama dalam menangani cabaran pelaksanaan pendekatan tematik. PK1 menekankan kepentingan mengekalkan fokus murid dengan menggunakan ganjaran seperti pujian, pelekat bintang dan sistem merit. Menurutnya, pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan minat murid, tetapi turut membantu membentuk disiplin ketika mereka terlibat dalam aktiviti berasaskan tema. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi berbentuk penghargaan mampu memberikan kesan positif terhadap penglibatan murid dalam pembelajaran.

PK3 pula mengaplikasikan motivasi luaran dalam bentuk pertandingan kumpulan, pengiktirafan di papan kenyataan, serta hadiah kepada kumpulan terbaik. Pendekatan ini dilihat bukan sahaja mendorong minat murid, malah memperkuuh kerjasama antara mereka, selaras dengan objektif pengajaran tematik yang menekankan aktiviti berpusatkan murid dan kerja berpasukan. Bagi PK4, motivasi luaran dianggap penting terutama dalam konteks pengajaran murid sekolah rendah yang mudah hilang tumpuan. Beliau menggunakan hadiah kecil dan pujian terbuka sebagai insentif untuk mengawal

tingkah laku serta mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan teratur. Kesemua pandangan ini membuktikan bahawa motivasi luaran dalam pelbagai bentuk boleh membantu guru mengurus kelas dengan lebih berkesan, sekali gus menyokong kelancaran pelaksanaan pendekatan tematik.

- *PK1: Untuk memastikan mereka kekal fokus, saya sering menggunakan ganjaran seperti pujian, pelekat bintang, atau sistem merit. Motivasi luaran seperti ini membantu meningkatkan minat dan disiplin mereka ketika mengikuti aktiviti berasaskan tema.*
- *PK3: Saya gunakan motivasi luaran seperti pertandingan antara kumpulan, pengiktirafan di papan kenyataan kelas atau hadiah kecil bagi kumpulan terbaik. Ini meningkatkan kerjasama dan menjadikan pendekatan tematik lebih berkesan serta menarik perhatian murid.*
- *PK4: Dalam kelas saya, motivasi luaran sangat penting. Murid sekolah rendah mudah hilang tumpuan, jadi saya gunakan kaedah seperti memberi hadiah kecil atau pujian secara terbuka. Ini bukan sahaja mengawal tingkah laku mereka, malah menjadikan sesi pembelajaran tematik lebih menyeronokkan dan tersusun.*

### **Perancangan Awal dan Sistematik**

Perancangan awal dan sistematik dikenal pasti sebagai kaedah penting dalam mengatasi cabaran pelaksanaan pendekatan tematik dalam bilik darjah. PK1 menjelaskan bahawa beliau akan menyusun rancangan pengajaran secara sistematik sebelum memulakan sesuatu tema, termasuk menyenaraikan bahan bantu mengajar serta merancang aktiviti mengikut tahap keupayaan murid. Beliau menyatakan bahawa kaedah ini membantu mengelakkan kekeliruan semasa pengajaran dan memastikan semua hasil pembelajaran dapat dicapai. Dalam masa yang sama, PK2 pula menekankan bahawa perancangan awal sangat

membantunya mengenal pasti kandungan yang boleh digabungkan serta menyusun aktiviti agar tidak bertindih. Beliau turut menyatakan bahawa perancangan yang teliti memudahkannya untuk berbincang dan bekerjasama dengan guru lain, sekali gus memastikan kesinambungan pengajaran merentas mata pelajaran.

PK3 menekankan kepentingan merancang aktiviti secara terperinci dan berstruktur agar semua aktiviti yang dirancang benar-benar berkait rapat dengan tema dan sesuai dengan tahap perkembangan murid. Perancangan yang jelas menjadikan

pelaksanaan lebih lancar serta menjimatkan masa daripada aktiviti yang tidak relevan. PK4 pula mengingatkan bahawa tanpa perancangan yang baik, guru mudah hilang fokus terhadap objektif pengajaran sebenar.

Justeru, beliau menyediakan pelan pelaksanaan lebih awal, memilih tema yang bersesuaian serta memastikan segala bahan dan bentuk penilaian telah disediakan. Kesemua pandangan ini menunjukkan bahawa perancangan awal yang sistematik bukan sahaja memudahkan guru melaksanakan pendekatan tematik dengan lebih berkesan, malah dapat memastikan pengajaran berjalan lancar, tersusun dan berfokus.

- *PK1: Sebelum memulakan sesuatu tema, saya akan menyusun rancangan pengajaran secara sistematik, termasuk menyenaraikan bahan bantu mengajar dan merancang aktiviti mengikut keupayaan murid. Ini membantu saya mengelakkan kekeliruan semasa PdPc*

#### **Pendekatan Kreatif untuk Murid Lemah**

Kreativiti guru dikenal pasti sebagai satu kaedah penting dalam menangani cabaran pelaksanaan pendekatan tematik, khususnya dalam membantu murid yang lemah. PK2 menegaskan bahawa pendekatan tematik menuntut tahap kreativiti yang tinggi apabila melibatkan murid berkeupayaan rendah. Beliau kerap mengubah suai aktiviti supaya lebih mudah difahami dengan menggunakan bahan bergambar, lagu dan permainan ringkas. Menurutnya, kaedah ini membantu murid lemah mengikuti pelajaran tanpa rasa tertekan. Seiring dengan itu, PK3 turut menyatakan bahawa murid lemah memerlukan pendekatan yang berbeza daripada murid lain. Beliau mereka bentuk bahan bantu belajar yang lebih visual dan interaktif seperti kad imbas, video pendek serta lakonan watak untuk memastikan murid tidak tercincir daripada pembelajaran. Pendekatan ini memperlihat betapa pentingnya kreativiti dalam memastikan kandungan pelajaran lebih mudah dicerna oleh murid lemah.

PK4 pula lebih cenderung kepada penggunaan teknologi sebagai medium kreatif. Beliau menggunakan kuiz digital dan aplikasi pembelajaran interaktif dalam aktiviti tematik bagi menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan serta meningkatkan keberanian murid lemah untuk mencuba. Ketiga-tiga responden ini sepakat bahawa kreativiti dalam pengajaran bukan sahaja

dan memastikan semua hasil pembelajaran dapat dicapai.

- *PK2: Perancangan awal dan sistematik sangat membantu saya mengenal pasti kandungan yang boleh digabungkan, serta menentukan susun atur aktiviti agar tidak bertindih. Perkara ini juga memudahkan saya berbincang dan bekerjasama dengan guru lain untuk memastikan kesinambungan pengajaran.*
- *PK3: Saya perlu merancang aktiviti secara terperinci dan berstruktur. Perancangan awal membolehkan saya memastikan semua aktiviti berkait rapat dengan tema dan sesuai dengan perkembangan murid. Bila ada perancangan yang jelas, pelaksanaan berjalan lebih lancar dan masa tidak terbuang dengan aktiviti yang tidak relevan.*
- *PK4: Dalam pendekatan tematik, jika tidak dirancang dengan baik, guru mudah hilang fokus terhadap objektif sebenar. Oleh itu, saya akan sediakan pelan pelaksanaan, tentukan tema yang sesuai, serta pastikan segala bahan dan penilaian disediakan lebih awal.*

dapat menarik minat murid lemah, malah membantu mereka memahami kandungan tema dengan lebih baik dan berkesan.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa guru perlu fleksibel dan kreatif dalam merancang strategi yang sesuai dengan tahap keupayaan murid agar pelaksanaan pendekatan tematik dapat dijalankan secara inklusif dan efektif.

- *PK2: Pendekatan tematik menuntut kreativiti, lebih-lebih lagi apabila melibatkan murid yang lemah. Saya kerap mengubah suai aktiviti supaya lebih mudah difahami, seperti menggunakan bahan bergambar, lagu atau permainan ringkas. Kaedah ini membantu murid yang lemah untuk mengikuti pelajaran tanpa rasa tertekan.*
- *PK3: Murid lemah memerlukan pendekatan berbeza. Dalam tema tertentu, saya akan reka modul atau bahan bantu belajar yang lebih visual dan interaktif. Contohnya, saya gunakan kad imbas, tayangan video pendek atau lakonan watak. Kreativiti guru sangat penting supaya murid tidak tercincir.*
- *PK4: Saya percaya guru perlu lebih kreatif untuk menarik perhatian murid lemah. Saya banyak gunakan pendekatan berasaskan teknologi seperti kuiz digital dan aplikasi pembelajaran interaktif. Aktiviti tematik jadi lebih menyeronokkan, dan murid lemah lebih berani untuk mencuba.*

#### **Pemberian Masa Fleksibel untuk Pengajaran Tematik**

Pemberian masa yang fleksibel dikenal pasti sebagai salah satu kaedah berkesan dalam mengatasi cabaran pelaksanaan pendekatan tematik, khususnya dalam memastikan aktiviti pengajaran berjalan lancar dan

mencapai objektif pembelajaran. Responden PK1 menekankan bahawa dengan menyediakan masa yang lebih panjang bagi sesuatu tema, murid berpeluang menghayati isi pelajaran dengan lebih mendalam serta

mengaitkannya dengan pengalaman mereka sendiri. Beliau percaya bahawa fleksibiliti masa membolehkan proses pembelajaran berlaku secara semula jadi dan menyeronokkan.

PK3 pula mengambil inisiatif dengan berbincang bersama pentadbir sekolah untuk menyusun jadual pengajaran yang memberi ruang masa tambahan apabila diperlukan. Menurutnya, perancangan masa yang fleksibel penting bagi memastikan setiap aktiviti tematik dapat dilaksanakan dengan lengkap tanpa tergesa-gesa, sekaligus membantu mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Responden PK4 turut berkongsi pendekatan yang serupa dengan memberi masa tambahan melalui penyambungan aktiviti pada sesi seterusnya, atau dengan mengurangkan kandungan mata pelajaran lain buat sementara. Beliau menjelaskan bahawa strategi ini membantu murid memahami tema secara lebih mendalam tanpa tekanan masa yang ketat.

Kesemua pandangan ini menggambarkan bahawa masa fleksibel bukan sahaja memberi ruang

kepada guru untuk melaksanakan pendekatan tematik secara menyeluruh, malah turut menyokong penglibatan aktif murid serta meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran.

- *PK1: Saya berikan masa yang lebih panjang untuk sesuatu tema supaya mereka dapat benar-benar menghayati dan mengaitkan pengalaman dengan isi pelajaran. Pemberian masa yang fleksibel memberi peluang mereka belajar secara semula jadi dan menyeronokkan.*
- *PK3: Masa fleksibel sangat penting, jadi saya akan bincang dengan pentadbir untuk susun jadual agar saya ada ruang masa tambahan bila diperlukan. Ini penting supaya aktiviti dapat dilaksanakan dengan lengkap dan objektif pembelajaran tercapai.*
- *PK4: Saya beri masa yang lebih fleksibel dengan menyambung aktiviti pada sesi seterusnya atau mengurangkan kandungan mata pelajaran lain buat sementara. Ini membantu murid memahami tema dengan lebih mendalam.*

## PERBINCANGAN KAJIAN

### Strategi yang Digunakan dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendekatan Tematik

Guru Bahasa Melayu telah menggunakan pelbagai strategi untuk melaksanakan pendekatan tematik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC. Strategi tersebut termasuk perancangan pendekatan tematik berpandukan DSKP, penggabungjalinan pelbagai kemahiran dan kandungan merentas mata pelajaran, pemilihan tema yang kontekstual dan bermakna, pelaksanaan kaedah pengajaran tematik, pemilihan bahan bantu mengajar berdasarkan tema dan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran tematik. Guru Bahasa Melayu memulakan perancangan pendekatan tematik dengan merujuk dokumen kurikulum seperti DSKP, RPT dan buku teks untuk memastikan tema yang dipilih adalah relevan dan sesuai dengan objektif pembelajaran yang mengambil kira tahap kebolehan dan pengetahuan sedia ada mereka. Perkara ini selaras dengan kajian Norliza et al. (2024) yang menunjukkan bahawa pendekatan tematik memerlukan perancangan yang teliti dan mempertimbangkan pelbagai aspek seperti pemulihan tema, tahap murid, bahan pembelajaran dan lain-lain. Pemilihan tema dan penetapan objektif pembelajaran harus mengambil kira kepelbagaian tahap kecerdasan murid di dalam kelas agar sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Strategi pendekatan tematik yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu juga melibatkan penggabungjalinan pelbagai jenis kemahiran bahasa secara serentak seperti mendengar, bertutur, membaca

dan menulis bagi memperkuuh penguasaan bahasa murid secara holistik. Dapatian ini juga dapat disokong oleh Intan Nur Syuhada dan Zamri (2021) yang menyatakan bahawa salah satu strategi pengajaran untuk mencapai tahap intelektual murid yang maksimum adalah melalui penggabungjalinan. Pendekatan ini juga memberi ruang kepada penggabungjalinan kandungan merentas mata pelajaran. Tema yang dipilih boleh merentasi pelbagai subjek seperti Sains dan Pendidikan Moral. Perkara ini membolehkan murid melihat hubungan antara pelbagai bidang ilmu seterusnya membina kefahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam.

Dapatian kajian ini juga selaras dengan kajian Norliza et al. (2024) yang menunjukkan bahawa guru melaksanakan pendekatan tematik dengan menghubungkan dua atau lebih mata pelajaran mengikut kesesuaian tema. Namun begitu, kajian ini turut mendapati bahawa bilangan guru yang menggabungkan pelbagai kemahiran merentas mata pelajaran masih amat rendah. Hal ini berkemungkinan besar berpunca daripada kekangan masa dan beban tugas yang dihadapi oleh guru seperti yang dinyatakan oleh Christina dan Rosmiza (2023) bahawa kekangan masa, beban kerja yang tinggi, dan kurangnya sokongan infrastruktur telah menghalang para guru untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan.

Pemilihan kaedah pengajaran yang tepat merupakan faktor utama dalam menjamin

keberkesanannya pelaksanaan pendekatan tematik. Kajian ini mendapati bahawa guru Bahasa Melayu berupaya melaksanakan kaedah pengajaran berasaskan PAK-21 yang dapat memupuk kerjasama murid, merangsang percambahan idea daripada murid pelbagai tahap keupayaan serta menggalakkan pengetahuan secara aktif melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna. Kaedah pengajaran PAK-21 seperti pembelajaran koperatif, *Flipped Classroom*, kerja kumpulan dan *konstruktivisme* menyokong pembelajaran aktif, kolaboratif dalam kalangan murid yang mempunyai keperluan yang pelbagai. Kajian Fyoona Yong dan Nur Farakhkhanna (2025) mendapati bahawa guru Bahasa Melayu di Tenom, Sabah, menggunakan pelbagai kaedah PAK-21 seperti pembentangan berkumpulan, galeri berjalan, main peranan, peta *i-Think*, meja bulat, dan fikir-pasang-kongsi untuk meningkatkan penglibatan aktif murid dan mendorong mereka berfikir secara kritis serta bekerjasama dalam kumpulan.

Strategi yang diaplikasikan oleh guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pendekatan tematik juga menekankan pemilihan tema yang kontekstual dan bermakna. Tema yang dipilih haruslah berkaitan dan relevan dengan kehidupan sehari-hari murid agar mereka dapat memahami kandungan pelajaran dengan lebih mudah. Selain itu, tema yang dipilih haruslah berupaya menggalakkan pertukaran idea murid dan memupuk kreativiti murid dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Bahagian Pembangunan Kurikulum (KPM 2021) menunjukkan bahawa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan tematik adalah berdasarkan topik mengikut kesesuaian masa, tempat dan minat untuk mengukuhkan kemahiran berbahasa serta melangkuhi disiplin ilmu yang disepadukan. Ini menunjukkan

bahawa pemilihan tema yang kontekstual dan bermakna bukan sahaja membantu murid memahami pelajaran dengan lebih mudah, tetapi juga mendorong mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

Pemilihan bahan bantu mengajar berdasarkan tema yang sesuai juga merupakan antara strategi yang digunakan oleh guru dalam pelaksanaan tematik. Guru Bahasa Melayu lebih cenderung menggunakan bahan bantu mengajar yang berteraskan digital seperti video interaktif, animasi dan lain-lain untuk memenuhi keperluan murid yang celik digital serta meningkatkan minat dan pemahaman mereka terhadap topik yang dipelajari. Dapatkan kajian ini boleh disokong oleh kajian Julianah et al. (2023) yang mendapati bahawa pengaplikasian bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran literasi Bahasa Melayu dapat meningkatkan motivasi murid serta membantu mereka memahami kemahiran literasi dengan mudah.

Guru Bahasa Melayu juga menunjukkan inisiatif dalam memupuk penglibatan aktif murid dalam pembelajaran tematik. Pelbagai aktiviti seperti kuiz interaktif digital, main peranan dan perbincangan kumpulan telah dikendalikan untuk memastikan semua murid boleh terlibat secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan dengan pendekatan tematik. Penglibatan aktif ini bukan sahaja meningkatkan minat murid malah memberi peluang kepada murid untuk meneroka topik secara kolaboratif dan bermakna. Kajian Muhammad Affan (2024c) juga membuktikan bahawa pendekatan tematik yang menggunakan aplikasi seperti Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penglibatan murid secara aktif. Kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan aplikasi digital dalam pendekatan tematik membantu murid berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran.

### **Cabaran yang Dihadapi semasa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendekatan Tematik**

Pelaksanaan pendekatan tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC telah dikenal pasti menghadirkan pelbagai cabaran signifikan berdasarkan dapatan daripada temu bual bersama guru. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja memberi kesan langsung terhadap keberkesanannya pelaksanaan PdP, malah turut mempengaruhi motivasi, perancangan serta strategi pengajaran yang digunakan oleh guru. Walaupun pendekatan tematik mempunyai potensi untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan, realiti pelaksanaannya di bilik darjah memerlukan penyesuaian yang teliti dan sokongan yang kukuh. Menariknya, dalam menghadapi halangan ini, guru juga telah mengambil inisiatif untuk meneroka pelbagai pendekatan inovatif dan adaptif dalam menangani isu-isu yang timbul.

Salah satu cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekangan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan

murid SJKC, yang secara umumnya bukan merupakan bahasa ibunda mereka. Keadaan ini menyebabkan murid menghadapi kesukaran dalam memahami arahan guru, melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kumpulan, dan menzahirkan pemikiran secara lisan atau bertulis. Kekurangan kosa kata dan kurangnya pendedahan terhadap Bahasa Melayu di rumah menjadikan penglibatan dalam aktiviti tematik yang berasaskan komunikasi dan interaksi agak terhad. Kajian Mohd Noor et al. (2022) turut menunjukkan bahawa murid bukan Melayu dengan tahap penguasaan bahasa yang rendah kurang keyakinan untuk menyertai aktiviti kelas, dan ini mengurangkan keberkesanannya PdP yang berasaskan konstruktivisme sosial. Tambahan pula, interaksi dua hala yang terbatas antara guru dan murid menjelaskan pencapaian objektif pembelajaran yang sepatutnya dicapai dalam suasana pembelajaran tematik (Chong & Ng 2021).

Isu pengurusan kelas dalam pelaksanaan aktiviti tematik juga menjadi cabaran yang ketara. Aktiviti tematik seperti permainan bahasa, simulasi, lakonan dan kuiz sememangnya mampu membangkitkan minat dan keterujaan murid. Namun, tanpa perancangan yang rapi dan struktur yang jelas, aktiviti seperti ini berisiko mengganggu disiplin bilik darjah, terutamanya apabila murid menjadi terlalu aktif atau tidak dapat mengawal tingkah laku. Guru perlu memiliki kemahiran pengurusan kelas yang tinggi untuk memastikan aktiviti berjalan lancar tanpa menjelaskan fokus pembelajaran. Dapatkan ini selari dengan kenyataan Ali dan Lim (2020), yang menekankan bahawa pendekatan berpusatkan murid memerlukan tahap kecekapan pengurusan yang tinggi agar suasana pembelajaran kekal kondusif walaupun aktiviti dijalankan secara interaktif.

Satu lagi cabaran besar ialah tekanan masa dan beban kerja guru. Pendekatan tematik menuntut perancangan PdP yang menyeluruh dan pelaksanaan yang memerlukan masa lebih panjang kerana ia mengintegrasikan pelbagai kemahiran dan disiplin ilmu dalam satu tema. Namun, dalam realiti waktu pengajaran yang terhad dan beban tugas bukan pengajaran yang tinggi, ramai guru terpaksa memilih kaedah pengajaran yang lebih tradisional, langsung dan pantas bagi memastikan semua kandungan kurikulum dapat disampaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut Shahrin dan Liew (2023), tekanan masa ini menghalang guru daripada melaksanakan pendekatan yang memerlukan kreativiti, penyesuaian bahan dan strategi pembelajaran yang lebih terbuka seperti pendekatan tematik. Akibatnya, keberkesaan pendekatan ini tidak dapat direalisasikan sepenuhnya dalam amalan bilik darjah.

### **Kaedah yang Digunakan untuk Mengatasi Cabaran semasa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendekatan Tematik**

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan tematik dalam bilik darjah tidak boleh dilaksanakan secara linear atau kaku, sebaliknya memerlukan pelbagai strategi pedagogi yang bersifat fleksibel, responsif dan kreatif. Pendekatan ini menuntut guru untuk menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut latar belakang, tahap keupayaan serta minat murid bagi memastikan pembelajaran dapat berlaku secara menyeluruh dan bermakna. Dalam usaha menangani pelbagai cabaran pengajaran, guru perlu merancang pengajaran dengan teliti, melaksanakan aktiviti yang relevan, serta membina persekitaran pembelajaran yang menyokong penglibatan murid secara aktif dan konsisten.

Dapatkan menunjukkan bahawa guru berperanan penting dalam merangsang pembelajaran kendiri murid, sama ada melalui pembacaan tambahan, eksperimen mudah, atau eksplorasi sumber digital. Strategi ini selaras dengan penemuan oleh Foo dan

Guru menghadapi cabaran dalam menangani perbezaan tahap kognitif dan kebolehan bahasa dalam kalangan murid. Dalam satu kelas, murid terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tahap keupayaan. Murid yang lemah sering berasa tercabar dengan aktiviti tematik yang kompleks dan terbuka, manakala murid yang lebih cerdas pula mungkin merasa bosan sekiranya aktiviti terlalu asas. Ini memerlukan guru untuk merancang PdP secara berbeza (*differentiated instruction*), menyediakan bahan pelbagai tahap dan memantau setiap kumpulan murid secara berterusan. Beban kerja ini memberi tekanan tambahan kepada guru. Kajian Zakaria dan Tan (2021) menunjukkan bahawa keberkesaan pendekatan tematik sangat bergantung kepada kebolehan guru dalam menguruskan kepelbagaian murid secara berkesan, dan ini memerlukan latihan profesional serta sokongan pentadbiran yang kukuh.

Secara keseluruhan, pelaksanaan pendekatan tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC berpotensi tinggi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, bersepodu dan bermakna. Namun demikian, cabaran yang timbul termasuk kekangan bahasa, isu pengurusan kelas, tekanan masa, beban kerja guru serta kepelbagaian tahap kebolehan murid memerlukan pendekatan pedagogi yang fleksibel, strategik dan disokong oleh pentadbiran sekolah serta dasar pendidikan yang menyeluruh. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan pendekatan tematik amat bergantung kepada komitmen, daya inovasi dan adaptasi guru, serta keupayaan sistem pendidikan untuk menyediakan ruang dan sumber yang kondusif untuk pelaksanaan yang berkesan

Azman (2021) yang menegaskan bahawa pembelajaran kendiri meningkatkan rasa tanggungjawab murid dan mendorong pembelajaran sepanjang hayat. Inisiatif guru yang menyediakan bahan digital dan menggalakkan aktiviti eksploratif turut menyokong perkembangan metakognitif serta minat intrinsik pelajar (KPM 2020). Pendekatan seperti ini mampu membentuk pelajar yang lebih berdikari serta berorientasikan pencarian ilmu, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Strategi ganjaran luaran seperti pujian, sistem merit, dan pertandingan kumpulan terbukti berkesan dalam mengawal tingkah laku dan mengekalkan fokus murid. Hal ini bertepatan dengan dapatan Che Harun et al. (2020), yang mendapati bahawa motivasi luaran dapat meningkatkan penglibatan murid, khususnya dalam konteks sekolah rendah. Ganjaran juga menyumbang kepada peningkatan keyakinan diri serta semangat kerja

berpasukan dalam kalangan murid (Ismail et al. 2023). Dalam konteks pendekatan tematik, strategi ini membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan produktif.

Kesemua responden bersetuju bahawa perancangan awal amat penting bagi memastikan keberkesanannya pendekatan tematik. Penyusunan aktiviti mengikut tahap keupayaan murid dan penyesuaian bahan bantu mengajar menyumbang kepada keberhasilan pengajaran (Ahmad & Salleh, 2019). Penyelidikan oleh Tan dan Jalil (2022) menunjukkan bahawa perancangan yang sistematis membolehkan guru mengelakkan pertindihan kandungan dan meningkatkan integrasi antara mata pelajaran. Selain itu, perancangan awal juga memudahkan kolaborasi antara guru, sejarar dengan prinsip pengajaran kolaboratif dalam pendidikan abad ke-21 (Zaini & Rohana 2024). Guru menggunakan pelbagai teknik kreatif seperti lagu, permainan, kad imbas, serta teknologi interaktif untuk membantu murid berkeupayaan rendah. Pendekatan ini terbukti mampu merangsang minat serta meningkatkan pemahaman mereka terhadap kandungan pembelajaran (Noraini et al. 2021b). Teknologi digital pula membuka ruang untuk pelibatan aktif murid melalui kaedah gamifikasi dan aplikasi mesra pengguna, sebagaimana disarankan oleh Nasir dan Hashim (2023). Kajian-kajian ini menyokong dapatan bahawa guru perlu peka terhadap keperluan murid dan menyesuaikan pedagogi secara fleksibel dan inklusif.

Masa pengajaran yang fleksibel membolehkan aktiviti tematik dijalankan tanpa tergesa-gesa dan memberi peluang kepada murid untuk menyelami tema secara lebih mendalam. Kajian oleh Lim et al. (2020) mendapat bahawa jadual fleksibel membolehkan guru memaksimumkan keberkesanannya pengajaran melalui aktiviti reflektif dan eksploratif. Selain itu, masa tambahan juga menyokong pembelajaran aktif serta membina keterhubungan antara pengalaman murid dengan isi pelajaran (Shahril et al. 2022). Strategi ini amat relevan dalam pendidikan rendah, di mana murid memerlukan lebih banyak masa untuk memahami konsep secara kontekstual.

Secara keseluruhan, kajian ini memperlihatkan bahawa keberkesanannya pendekatan tematik sangat bergantung kepada keupayaan guru dalam merancang, menyesuaikan, dan melaksanakan strategi pengajaran secara fleksibel, sistematis, dan kreatif mengikut keperluan murid. Dalam konteks bilik darjah abad ke-21 yang menekankan pembelajaran aktif dan berpusatkan murid, guru memainkan peranan penting sebagai fasilitator yang mampu mencetuskan minat, motivasi dan keterlibatan murid secara menyeluruh. Lima elemen utama dikenal pasti sebagai tunjang kejayaan pelaksanaan pendekatan tematik ini, iaitu pembelajaran kendiri di luar bilik darjah, penggunaan motivasi luaran yang berkesan, perancangan awal yang sistematis, pendekatan kreatif khususnya untuk murid lemah, serta pemberian masa fleksibel dalam pengajaran.

## **IMPLIKASI KAJIAN TERHADAP GURU**

Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan tematik memerlukan komitmen dan kemahiran pedagogi yang tinggi dalam kalangan guru, terutamanya dalam konteks SJKC. Oleh itu, guru perlu diberikan latihan profesional secara berterusan yang berfokus kepada pelbagai aspek pelaksanaan pendekatan tematik. Latihan ini harus merangkumi reka bentuk projek berdasarkan tema yang sesuai dengan konteks murid, penggunaan aplikasi digital terkini dalam PdP, serta penguasaan teknik pengurusan kelas yang lebih fleksibel dan responsif. Kursus dan bengkel yang dijalankan perlulah bersifat praktikal, berasaskan senario sebenar bilik darjah SJKC, dan melibatkan amalan kolaboratif antara guru (Siti Aisyah & Zaimuariffudin 2024b). Hal ini dapat membantu guru menyesuaikan pendekatan mereka dengan lebih baik dan meningkatkan keberkesanannya pelaksanaan PdP tematik.

Satu keperluan mendesak ialah penyediaan bahan bantu mengajar bertema yang bersifat mesra dwibahasa. Hal ini bertujuan untuk menyokong guru dalam menyediakan PdP yang menarik, sesuai dengan tahap kebolehan murid, serta menjimatkan masa penyediaan bahan. Bahan bantu mengajar ini harus merangkumi pelbagai jenis sumber seperti video interaktif, modul bacaan berfasa yang direka mengikut tahap kemahiran membaca murid, serta sumber digital yang bersifat dinamik seperti *Padlet*, *Canva* dan aplikasi kuiz interaktif. Penyediaan sumber ini bukan sahaja dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran murid, malah menggalakkan penggunaan teknologi secara lebih meluas dalam PdP (Lim & Ong 2022). Tambahan pula, bahan-bahan ini harus dikurasi dan dikemaskini secara berkala agar sentiasa relevan dengan keperluan kurikulum dan perkembangan pendidikan semasa.

## **IMPLIKASI KAJIAN TERHADAP PENTADBIR SEKOLAH DAN PEMBUAT DASAR**

Pelaksanaan pendekatan tematik secara berkesan memerlukan sokongan struktur organisasi dan dasar

yang kukuh daripada pihak pentadbir sekolah serta pembuat dasar pendidikan. Pentadbir sekolah

memainkan peranan penting dalam memastikan persekitaran sekolah menyokong pedagogi tematik yang berpusatkan murid dan bersifat integratif. Antaranya, pentadbir perlu menyusun semula jadual waktu persekolahan agar memperuntukkan blok masa yang lebih panjang, seperti 60 hingga 90 minit bagi setiap sesi PdP. Ini penting untuk membolehkan guru melaksanakan aktiviti pembelajaran tematik yang bersifat mendalam, eksploratif, dan tidak tergesa-gesa. Peruntukan masa yang mencukupi juga memberi ruang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti inkuiri, kolaborasi, dan refleksi, sejajar dengan semangat pembelajaran abad ke-21.

Pada peringkat yang lebih tinggi, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) perlu memainkan peranan penting dalam memastikan penyelarasan antara kurikulum

kebangsaan dengan pendekatan pentaksiran yang menyokong pelaksanaan tematik. Ini termasuklah membangunkan instrumen pentaksiran yang lebih holistik, autentik, dan kontekstual bagi menilai pencapaian murid secara menyeluruh dalam pelbagai bidang pembelajaran. Sekiranya pentaksiran masih berpaksikan format tradisional yang berasaskan subjek secara terpisah, ia akan menyukarkan guru untuk mengintegrasikan pendekatan tematik secara bermakna. Justeru, dasar dan garis panduan pentaksiran perlu dikaji semula supaya selari dengan hasrat pelaksanaan pendekatan tematik, sekali gus membolehkan guru melaksanakan PdP yang benar-benar bersepada dan berfokus kepada perkembangan menyeluruh murid (Siti Aisyah & Zaimuariffudin 2024a).

## **IMPLIKASI KAJIAN TERHADAP MURID**

Pendekatan tematik yang dirancang secara sistematik dan bersesuaian dengan tahap perkembangan murid mampu memberi kesan positif terhadap pencapaian dan sikap murid terhadap pembelajaran, khususnya dalam penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam konteks SJKC. Melalui aktiviti yang kontekstual, interaktif dan berasaskan pengalaman sebenar, murid lebih mudah memahami penggunaan bahasa dalam situasi kehidupan sehari-hari. Ini seterusnya dapat meningkatkan minat mereka untuk mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu dalam pelbagai situasi, sekaligus mengurangkan kebimbangan dan halangan linguistik yang biasa dialami oleh murid bukan penutur jati. Pendekatan seperti pembelajaran berasaskan permainan, simulasi kehidupan, dan projek kolaboratif juga memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan dan

bermakna (Muhammad Affan 2024b). Namun begitu, untuk memastikan semua murid dapat menikmati manfaat daripada pendekatan ini, pelaksanaannya haruslah inklusif dan responsif terhadap latar belakang linguistik serta keperluan pembelajaran murid yang pelbagai. Hal ni termasuk mengambil kira tahap penguasaan dwibahasa, latar sosioekonomi, dan tahap kebolehan kognitif murid.

Justeru, guru perlu merancang strategi pengajaran yang bersifat diferensiasi, serta menyediakan sokongan tambahan seperti aktiviti pengayaan atau pengukuhan untuk memastikan tiada murid yang tercicir dalam proses pembelajaran. Pendekatan yang sensitif dan adaptif ini dapat membantu mewujudkan suasana bilik darjah yang lebih mesra, menyokong dan memberdayakan murid untuk berkembang secara holistik dalam aspek kognitif, afektif dan sosial.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah meneliti secara menyeluruh strategi pelaksanaan serta cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengaplikasikan pendekatan tematik dalam PdP Bahasa Melayu di SJKC. Melalui temu bual mendalam bersama empat orang guru berpengalaman, kajian ini mendapati bahawa pendekatan tematik berpotensi besar untuk meningkatkan keberkesanannya PdP, khususnya melalui integrasi pelbagai kemahiran bahasa, penyediaan bahan pembelajaran yang kontekstual, serta penglibatan murid secara aktif dan bermakna dalam aktiviti bilik darjah. Pendekatan ini bukan sahaja mampu menjadikan PdP lebih menyeronokkan, malah turut menggalakkan pembelajaran berpusatkan murid. Namun begitu, dapatkan kajian turut mendedahkan bahawa pelaksanaan

pendekatan tematik tidak bebas daripada cabaran yang signifikan.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuklah kelemahan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC, yang sering menjadikan komunikasi dan pemahaman isi pelajaran sebagai halangan utama. Isu pengurusan disiplin dalam aktiviti berasaskan interaksi,kekangan masa untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang bermakna, serta perbezaan tahap keupayaan murid turut menambah tekanan kepada guru. Cabaran-cabaran ini memberi kesan langsung terhadap motivasi guru, keberkesanannya strategi PdP, dan tahap kesediaan mereka untuk mengamalkan pendekatan tematik secara konsisten dan menyeluruh dalam bilik darjah (Mohd Noor et al. 2022;

Chong & Ng 2021; Shahrin & Liew 2023; Zakaria & Tan 2021).

Walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan, guru-guru yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan daya adaptasi dan komitmen yang tinggi dalam memastikan pendekatan tematik dapat dilaksanakan dengan berkesan. Mereka mengambil inisiatif dengan merancang pengajaran berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), memilih bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi digital, serta menggunakan kaedah pengajaran kreatif seperti permainan bahasa, lakonan, dan simulasi. Tambahan pula, guru turut memanfaatkan strategi ganjaran bagi mengekalkan motivasi dan minat murid sepanjang PdP berlangsung. Dapatan ini selaras dengan penemuan kajian terdahulu oleh Norliza et al. (2024) dan Julianah et al. (2023) yang menekankan pentingnya kreativiti guru, penggunaan sumber digital, serta pendekatan kontekstual dan kolaboratif dalam meningkatkan penglibatan murid dan kualiti PdP.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pendekatan tematik

mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam meningkatkan keberkesanan proses PdP Bahasa Melayu di SJKC. Pendekatan ini bukan sahaja membantu menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan bersepada, malah mampu menarik minat murid serta memupuk kemahiran bahasa dalam pelbagai konteks. Walau bagaimanapun, keberkesanan sebenar pendekatan ini banyak bergantung kepada kecekapan dan kebolehan guru dalam merancang serta menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan dan realiti sebenar bilik darjah.

Selain itu, sokongan yang sistematik dan berterusan daripada pihak pentadbiran sekolah, termasuk penyediaan sumber, latihan profesional, dan galakan berinovasi, serta dasar pendidikan yang menyokong pelaksanaan pendekatan tematik secara menyeluruh, turut memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaannya. Oleh itu, kolaborasi antara guru, pentadbir sekolah dan membuat dasar amat diperlukan bagi merealisasikan potensi pendekatan ini dalam memperkuuh PdP Bahasa Melayu di SJKC.

## PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

## RUJUKAN

- Ali, M. & Lim, S. Y. 2020. Pengurusan bilik darjah dalam pendekatan pengajaran interaktif. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2): 112-123.
- Chong, LM. & Ng, Y.H. 2021. Bahasa kedua dan cabaran komunikasi dalam bilik darjah pelbagai etnik. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 38(1): 65-78.
- Chong, W.Y., Lee, C.L. & Goh, P.S. 2022. Cabaran guru dalam pelaksanaan pendekatan tematik di sekolah rendah vernakular. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1): 50-63.
- Creswell, J.W. & Poth, C.N. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Foo, L.Y., & Azman, N. 2021. Pembelajaran kendiri dan kesannya terhadap prestasi pelajar. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 38(1): 112-125.
- Fyona Yong Sien Ning & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2025. Variasi kaedah pembelajaran abad ke-21 oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu di tenom, sabah dan cabaran pelaksanaanya. *Jurnal Wacara Sarjana*, 9(1):1-17.
- Goh, P.S. & Tee, M.Y. 2021. Teaching and learning challenges in Malaysian vernacular primary schools: Language barriers and pedagogical concerns. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 36(2): 103–120.
- Ismail, R., Hasan, M.H., & Lim, Y.S. 2023. *Pengurusan Tingkah Laku Murid Melalui Ganjaran: Satu Tinjauan Empiris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julianah Elman, Abdullah Yusof, Anida Sarudin & Mohd Sufian Ismail. 2023. Penggunaan bahan bantu mengajar digital dalam pembelajaran secara maya semasa pandemik. Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023a. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 6 Sekolah Jenis Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023b. *Panduan Pelaksanaan KSSR Semakan 2017*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Penjajaran Kurikulum 2022*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee, C.Y., Tan, K.M. & Ahmad, N. 2022. Post-pandemic classroom practices: Teachers'

- adaptation to thematic teaching approaches. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(2): 115–131.
- Lim, M.Y. & Nordin, H. 2021. Penggunaan pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah: Satu analisis kualitatif. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(3): 145–160.
- Lim, S. Y., & Ong, W. C. 2022. Penggunaan Strategi visual dan cerita rakyat tempatan dalam Pembelajaran Tematik Bahasa Melayu di SJKC. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 9(2): 70–85.
- Lim, Y.S. & Ong, W.L. 2022. Keberkesanan pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu di SJKC. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(2): 45–56.
- Low, W.L., Teo, H.K. & Tan, P.Y. 2024. Pendekatan inklusif dalam tematik Bahasa Melayu: Kajian di SJKC Zon Selatan. *Jurnal Kajian Kurikulum*, 14(1): 33–48.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Noor, A.S. et al. 2022. Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. *Jurnal Linguistik dan Bahasa*, 15(1): 44–57.
- Mohd Noor, S.N., Ismail, H.N. & Jamil, N. 2020. Pendekatan tematik dalam pendidikan awal kanak-anak: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(2): 33–45.
- Muhammad Affan Ahamad. 2024a. Penggunaan pendekatan kontekstual dan kolaboratif dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1): 22–35.
- Muhammad Affan Ahamad. 2024b. Penggunaan Canva dalam projek tematik Bahasa Melayu: Satu kajian tindakan. *Jurnal Inovasi Pendidikan Bahasa*, 12(1): 55–70.
- Muhammad Affan Ahamad. 2024c. Pendekatan tematik melalui penggunaan Canva dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Language and Education*, 3(1): 62–73.
- Nasir, R. & Hashim, N. 2023. Gamifikasi dalam pendidikan: Aplikasi interaktif untuk murid tahap satu. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 21(2): 74–89.
- Noraini, M.N., Tan, Y.S. & Chong, L.M. 2021a. Keberkesanan pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Language Education*, 11(2): 45–60.
- Noraini, N., Zainab, S. & Lee, C.K. 2021b. Pelaksanaan pendekatan tematik dalam Kurikulum Bahasa Melayu. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4): 113–125.
- Norliza Ramli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Zamri Mahamod. 2024. Pengaplikasian pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4): 199–215.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. 2021. Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru bahasa melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2): 54–67.
- Shahril, M.I., Zulkifli, N. & Hassan, F. 2022. Pengajaran kontekstual dalam pendekatan tematik. *International Journal of Learning and Teaching*, 15(4): 58–72.
- Shahrin, N. & Liew, C. Y. 2023. Beban tugas guru dan kesannya terhadap kreativiti pengajaran. *Malaysian Teacher Journal*, 31(2): 101–117.
- Siti Aisyah Wan Oya & Zaimuariffudin Shukri Nordin. 2024a. Assessment for learning practices among Malay language teachers in Malaysia National Type Chinese School. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 14(1): 1–8.
- Siti Aisyah Wan Oya, & Zaimuariffudin Shukri Nordin. 2024b. Keselarasan pentaksiran tematik dan kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Penilaian Pendidikan*, 7(1): 19–36.
- Tan, A.S., & Jalil, H. 2022. Perancangan kurikulum tematik dan pelaksanaannya di sekolah rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1): 91–106.
- Tan, K.M., Abdullah, R. & Yap, Y.L. 2023. Strategi pengajaran tematik dalam kelas Bahasa Melayu di SJKC: Cabaran dan solusi. *Jurnal Inovasi Pendidikan*, 5(1): 87–98.
- Wong, S.Y., Lim, P.F. & Teoh, C.C. 2025. Cabaran Penyeputuan *Assessment for Learning* (AfL) dengan objektif tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu di SJKC. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 50(1), 89–104.
- Zaini, N. & Rohana, M. 2024. Kolaborasi guru dalam pengajaran bersepadu. *Jurnal Pendidikan Guru Malaysia*, 33(1): 18–29.
- Zakaria, R. & Tan, C.M. 2021. Penggunaan pedagogi pembezaan dalam bilik darjah pelbagai tahap keupayaan. *Jurnal Inovasi Pendidikan*, 11(3): 134–146.